

# Fahami istito'ah sebelum tunai haji

Sinar Harian (06/10/2022) M15 09

Jemaah mesti mampu sedia kos, nafkah tanggungan yang ditinggalkan

Oleh IZWAN ROZLIN

SHAH ALAM

Umat Islam perlu memahami konsep istitho'ah sebelum bersedia untuk menunaikan ibadah haji.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, pengertian istitho'ah bermaksud kemampuan seseorang itu dari sudut fizikal dan perbelanjaannya ke tanah suci.

Menurutnya, jika seseorang itu mempunyai kemampuan perbelanjaan pergi dan balik ke tanah suci, maka dia wajib menunaikan haji.

"Kemampuan juga tentang perkara-perkara yang diperlukan oleh seseorang bakal haji itu termasuk nafkah perbelanjaan diri sendiri dan tanggungan yang ditinggalkan.

"Bagi wanita, mesti ada mahram yang menemani. Jadi, siapa pun yang mampu, berakal, akil baligh dan orang yang merdeka (bukan hamba), maka dia perlu tunai haji kerana sudah menepati makna Istitho'ah.

"Mampu dari segi fizikal dan mudah untuk pergi ke tanah suci, pergilah beribadah dengan aman." katanya

Lembaga Tabung Haji (TH) ditubuhkan pada tahun 1963 yang merupakan sebuah institusi Islam yang sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan secara **komprehensif dan sistematik** demi kebajikan jemaah haji Malaysia.

Selain daripada **pengurusan simpanan yang halal** dan **pengurusan haji yang efisien**, TH turut menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah kepada para pendeputinya.

Sebelum wujudnya TH, tiada institusi kewangan Islam untuk **umat Islam Malaysia mengumpul wang bagi menanggung kos perbelanjaan menunaikan haji**.

Walaupun ketika itu sudah wujud beberapa bank di negara ini, umat Islam **enggan menabung dengan perbankan konvensional** untuk tujuan mengerjakan ibadat haji kerana **tidak mahu berlaku sebarang unsur dan amalan riba**.

Mengenai Tabung Haji

TH ditadbir berdasarkan kepada Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan perintis dalam institusi kewangan Islam bagi **memudahkan umat Islam menyimpan untuk tujuan mengerjakan haji**.

TH menguruskan deposit sebanyak **RM88.09 bilion** bagi separuh tahun pertama 2022, iaitu paras tertinggi sejak 59 tahun penubuhan TH.

Perniagaannya tidak hanya tertumpu di dalam negara, malah TH turut menceburi bidang **pelaburan di luar negara**. Antaranya,

- Sektor hartanah di United Kingdom; sektor kewangan Islam; teknologi maklumat; minyak dan gas; hospitaliti; pelaburan hartanah dalam negara dan pembinaan.

peribadahnya dengan aman," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, Istitho'ah tidak terpakai kepada mereka yang uzur dan mengalami penyakit sukar untuk sembuh.

Namun jelas Wan Salim, jika mampu dari segi kewangan individu itu boleh wakilkan kepada orang lain untuk mengerjakan haji bagi pihak dirinya dengan syarat wakil itu telah mengerjakan haji terlebih dahulu.

"Jika tiada orang yang hendak diwakilkan atau bayaran yang diminta itu melebihi kebiasaan, maka dia dianggap sebagai tidak mampu," katanya.

Wan Salim turut memuji sikap setengah jemaah berkemampuan menolak subsidi haji yang diberikan.

"Maksudnya jemaah ini tidak perlukan subsidi dan menggunakan duit sendiri untuk ke tanah suci. Dia secara tidak langsung telah membantu jemaah lain yang lebih memerlukan. Dia akan diberi pahala dan ganjaran oleh ALLAH SWT.

"Jika ada hutang tetapi mampu membayar ansuran serta tidak sampai jejakan keperluan sendiri dan keluarga, tidak ada masalah. Jika menjejaskan, bermakna dia tiada isthitho'ah.

"Hutang perlu diselesaikan terlebih dahulu berbanding mengerjakan haji, nafkah keluarga juga perlu diutamakan. Jika keperluan ini terabai maka dia belum sampai tahap isthitho'ah," ujarnya.


Sebelum ini, Menteri di Jabatan



WAN SALIM



RAJA SULAIMAN



MOHD PADALIAH

Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Idris Ahmad berkata, bakal jemaah dinasihatkan supaya menilai kemampuan sendiri dan mengambil kira kenaikan kos sebelum menunaikan ibadah haji.

Beliau turut memberi ingatan bahawa syarat wajib bagi menunaikan haji mestilah berkemampuan dan tidak membebankan.

#### Tolak wang subsidi

Berpeluang menunaikan ibadah haji tahun ini antara perkara yang besar berlaku dalam hidup Raja Sulaiman Raja Lope Ahmad, 60.

"Saya dan isteri sudah lama bersedia untuk tunai haji, kami memang gembira

dapat pergi. Untuk perbelanjaan, saya guna duit pencen sepenuhnya dan tolak subsidi yang diberikan Tabung Haji," katanya.

Bekas Pensyarah UiTM Perlis itu berkata, sebagai seorang berkemampuan agak janggal baginya menerima wang subsidi untuk mengerjakan haji.

"Saya mampu dan sihat, jadi biarlah subsidi itu digunakan oleh mereka yang benar-benar memerlukan, Insha-ALLAH sesiapa sahaja berpeluang pergi ke tanah suci jika diizinkan oleh-Nya," katanya.

Seorang lagi jemaah, Mohd Padaliah Ali, 48, juga sanggup menolak subsidi haji yang ditawarkan kerana mengambil kira dirinya berkemampuan.

"Jika kita boleh melancong ke luar

“Hutang perlu diselesaikan terlebih dahulu berbanding mengerjakan haji, nafkah keluarga juga perlu diutamakan.”

negara tak minta diskaun dengan ejen pelancongan, jadi perlukah kita terima subsidi untuk ke tanah suci ini," soalnya.

"Saya cadangkan supaya Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyediakan pilihan jawapan kepada bakal haji sama ada hendak menerima subsidi penuh atau tidak.

"Mungkin ada yang perlukan separuh subsidi, tetapi pilihan jawapan yang ada hanya ya atau tidak. Jadi, **TH** kena kaji perkara ini," ujarnya.

Sejak 2001, jemaah haji Malaysia hanya membayar sebahagian daripada kos sebenar untuk menunaikan ibadat haji manakala selebihnya ditanggung oleh Tabung Haji melalui Bantuan Kewangan Haji yang dijana daripada hasil pendapatan pelaburan.

Pada musim haji tahun ini, kos tunai haji meningkat kepada RM28,000 berbanding anggaran awal sebanyak RM25,000. Tabung Haji juga dilaporkan telah mengeluarkan perbelanjaan subsidi haji sebanyak hampir RM200 juta pada musim haji tahun ini.